

Najib, 'mem', Rizal desak saya: Mahdzir

BH - 7/2/2020 m/s: 8

Terima arahan bertulis daripada bekas PM luluskan projek dipohon Depak

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas menteri pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam bahawa beliau didesak untuk meluluskan projek tenaga solar sekolah luar bandar Sarawak kepada Jepak Holdings Sdn Bhd pada 2016.

Tekanan itu didakwa datang daripada Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak, isterinya Datin Seri Rosmah Mansor dan bekas pembantu khas Najib, Datuk Rizal Mansor.

Dalam kenyataan saksi yang dibacakan semalam, Mahdzir berkata, beliau mulanya didatangi Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin pada 2015 dengan cadangan menggantikan sistem

penjanaan elektrik menggunakan generator di 369 sekolah luar bandar Sarawak dengan sistem hibrid solar.

"Saya menolak cadangan Saidi pada masa itu kerana Kementerian Pendidikan terikat dengan kontrak perkhidmatan sedia ada. Saya juga mempunyai keraguan tentang keupayaan Jepak untuk melaksanakan projek hibrid solar," katanya.

Menurut Mahdzir, Saidi adalah ahli perniagaan dari Bintulu, Sarawak dan kenalan lamanya yang juga Ahli Parti Pesaka Bumiputera Bersatu.

Saksi itu berkata, beliau kemudian menerima arahan bertulis daripada Najib pada 16 Disember 2015 untuk meluluskan projek yang dipohon oleh Jepak.

Mahdzir berkata, Najib telah menulis nota di surat yang ditulis Jepak kepada Pejabat Perdana Menteri, yang berbunyi: "Bersejua dilaksanakan sistem baru ini dan batalkan sistem lama".

Berikutan itu, Mahdzir berkata, beliau mengarahkan Kementerian Pendidikan membentuk satu pasukan teknikal untuk membuat penilaian jika Jepak boleh melaksanakan tugas itu.



Mahdzir (tengah) hadir di Mahkamah Tinggi, Jalan Duta, semalam.

(Foto ASWADI ALIAS/BH)

Mahdzir berkata, Saidi menjadi tidak sabar dengan proses itu. Beliau kemudian bertemu dengan Saidi dan rakan perniagaannya, Rayyan Radzwill Abdullah (sama ada di Hotel Seri Pacific atau Intercontinental) yang menyatakan rasa tidak puas hati dengan keputusannya dan Kementerian Pendidikan.

"Saidi dan Rayyan memberitahu, Najib sudah beri arahan untuk membatalkan projek lama dan 'proceed' dengan sistem baharu dan mereka juga tidak berpuas hati dengan syarat untuk menamatkan kontrak bagi sekolah yang sudah disambung ke talian grid elektrik.

"Saidi memberitahu bahawa mereka akan berjumpa dengan Perdana Menteri berhubung perkara itu manakala Rayyan mengugut bahawa beliau (Mahdzir) tidak akan lama memegang jawatan menteri kerana tidak mengikut arahan Najib.

"Rayyan pernah beritahu saya lebih kurang, 'apa yang *you* susah sangat nak ikut arahan PM? PM dah bagi minit (nota), *you follow* saja.'" Rayyan beritahu saya untuk batalkan kontrak sedia ada.

Bagaimanapun, beliau tidak melayan permintaan itu kerana ia perlu melalui proses yang sewajarnya.

"Pasukan teknikal selepas menyelesaikan kajiannya, memberi saya tiga pilihan. Saya memilih untuk membolehkan Jepak melaksanakan projek perintis berskala kecil," katanya.

Pada awal Jun 2016, Mahdzir berkata, beliau menerima panggilan daripada Rizal yang bertanya mengapa hanya projek berskala kecil diberikan kepada Jepak, padahal Najib mahu sistem penjanaan elektrik diganti sepenuhnya.

Katanya, Rizal memberitahu bahawa Najib sudah membuat keputusan mengenai projek tenaga solar untuk sekolah luar bandar di Sarawak dan turut mempersoalkan mengapa beliau (Mahdzir) membuat syarat lain bagi projek itu, selain memberitahu bahawa 'mem' sudah tahu projek solar syarikat Jepak.

"Saya tahu mem yang dimaksudkan adalah Datin Seri Rosmah Mansor, saya juga tahu Datuk Rizal sebenarnya menelefon bagi pihak Rosmah," katanya.